

**SOALAN NO. 47**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI  
[ BUKIT BENDERA ]**

**TARIKH : 20 OKTOBER 2016**

**SOALAN :**

**YB Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan undang-undang baru yang mentakrifkan serta membezakan pornografi kanak-kanak daripada bahan lucah lain, serta mengenakan hukuman berat ke atas mereka yang mengedar dan menghasilkan pornografi kanak-kanak.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, YAB Perdana Menteri telah membuat pengumuman berkaitan penubuhan Task Force Jenayah Seksual bagi mengkaji dan meneliti isu-isu berkaitan jenayah seksual yang melibatkan kanak-kanak dalam ucapan beliau sempena Hari Wanita Kebangsaan 2016 pada 25 Ogos 2016.

Sehubungan dengan itu, dua mesyuarat Task Force telah diadakan pada 6 September 2016 dan 4 Oktober 2016. Mesyuarat tersebut telah dianggotai oleh wakil daripada Pejabat Peguam Negara, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Polis Diraja Malaysia, Majlis Peguam Malaysia, Persatuan Peguam Syarie Malaysia, ahli-ahli akademik, serta beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO), khasnya berkaitan kanak-kanak seperti National Council of Women's Organisation (NCWO), UNICEF, P.S. The Children, Women Centre for Change (WCC), Malaysian Social Workers Association (MASW), International Women Rights Action Watch Asia Pacific (IWRAW) dan sebagainya.

Susulan perkembangan ini, satu draf kerangka perundangan khas berkaitan jenayah seksual terhadap kanak-kanak telah berjaya dirangka dan dibentang kepada semua ahli dalam mesyuarat Task Force Jenayah Seksual pada 4 Oktober 2016. Cadangan kerangka perundangan ini merangkumi kesalahan melibatkan pornografi kanak-kanak. Bacaan

pertama Rang Undang-Undang dijangka dibentangkan di Parlimen setelah mendapat kelulusan Mesyuarat Jemaah Menteri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, setakat ini peruntukan undang-undang yang boleh digunakan dalam kes pendakwaan yang melibatkan pornografi kanak-kanak adalah di bawah seksyen 31 Akta Kanak-Kanak 2001 [*Akta 611*] dan seksyen 377E Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Sekian, terima kasih.